
HUBUNGAN GAYA ASUHAN IBU BAPA DENGAN KECERDASAN EMOSI REMAJA AWAL

Siti Nazurah binti Mohd Fauzi, Norhamidah binti Jarimal @ Safri*,
Noorma binti Razali, Jusiah binti Idang, Wanda Kiyah George Albert, &
Patricia Joseph Kimong

Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah

*Corresponding e-mail: hamidahj@ums.edu.my

Received date: 4 July 2021; Accepted date: 26 November 2021

Abstrak: Gaya asuhan yang diterima oleh anak-anak sewaktu mereka kecil akan memberi kesan kepada perlakuan dan gaya berfikir kanak-kanak terutamanya pada peringkat sekolah rendah dan menengah. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti hubungan antara gaya asuhan ibu bapa dan kecerdasan emosi remaja awal. Kajian yang dijalankan di sekitar Sabah ini melibatkan 108 orang remaja lelaki dan perempuan yang berumur di antara 12 hingga 15 tahun. Borang soal selidik telah digunakan untuk pengumpulan data. Soal selidik ini terdiri daripada tiga bahagian. Bahagian A untuk memerihai ciri demografi responden yang dikaji; Bahagian B ialah *Parental Authority Questionnaire* (PAQ) untuk mengukur gaya asuhan ibu bapa dan, Bahagian C ialah *The Assessing Emotions Scale* (AES) yang digunakan untuk mengukur kecerdasan emos remaja. Data yang diperolehi dianalisis melalui analisis deskriptif dan ujian kolerasi sampel bebas menggunakan IBM SPSS versi 27. Hasil kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan bagi ketiga-tiga jenis gaya asuhan ibu bapa iaitu autoritarian ($r = .462$), autoritatif ($r = .456$) dan permisif ($r = .354$) dengan kecerdasan emosi remaja awal.

Kata Kunci: Gaya Asuhan Ibu Bapa, Kecerdasan Emosi, Remaja Awal

Abstract: The parenting style received by children during childhood will affect children's behavior and thinking style, especially at the primary and secondary school levels. This study was conducted to identify the relationship between parenting style and early adolescent emotional intelligence. The study conducted around Sabah involved 108 adolescent boys and girls aged between 12 to 15 years. Questionnaires were used for data collection. The questionnaire consists of three parts. Part A describes the demographic characteristics of the respondents studied; Part B is the Parental Authority Questionnaire (PAQ) to measure parenting style, and; Part C is The Assessing Emotions Scale (AES) used to measure emotional intelligence. The data obtained were analyzed through

descriptive analysis and independent sample correlation test using IBM SPSS version 27. The results of the study found that there is a significant relationship for the three types of parenting styles, namely authoritarian ($r = .462$), authoritative ($r = .456$), and permissive ($r = .354$) with early adolescent emotional intelligence.

Keywords: *Parenting Style, Emotional Intelligence, Adolescent*

PENGENALAN

Gaya asuhan ibu bapa memainkan peranan penting dalam mendidik dan membimbing anak-anak untuk menjadi manusia yang dapat memberi manfaat kepada diri sendiri, masyarakat dan negara. Gaya asuhan ibu bapa melibatkan bagaimana ibu bapa berinteraksi, mengawal, bersosial dan bertingkah laku antara satu sama lain dengan anak-anak dan bukan hanya tertumpu kepada mendidik anak-anak semata-mata. Sementara Nixon dan Halpeny (2010) melihat gaya asuhan ibu bapa sebagai satu proses interaktif di antara ibu bapa dan anak-anak. Gaya asuhan ibu bapa memainkan peranan di dalam perkembangan kanak-kanak (Kordi dan Baharudin, 2010). Kajian terdahulu mendapati bahawa segala bentuk perhubungan antara ibu bapa dengan anak-anak sama ada melalui lisan ataupun bukan lisan akan mempengaruhi personaliti dan tingkah laku anak-anak sepanjang proses mereka meningkat dewasa (Mariani Omar & Sarah Hamzah, 2016; Khairun Nisa Md Isa dan Kamariah Abu Bakar, 2021). Ini adalah kerana kanak-kanak cenderung untuk memerhati segala tindak-tanduk yang ditunjukkan oleh ibu bapa sepanjang proses pembesaran mereka dan kemudian mereka akan menggunakan semula atau meniru perbuatan yang sudah diperhatikan (Sulung & Sakti, 2021). Selain itu adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa dalam membentuk anak-anak melalui tingkah laku dan gaya asuhan yang tepat dan betul.

Gaya asuhan ibu bapa boleh diukur dengan menggunakan skala. Antaranya Skala Model Baumrind yang telah diperkenalkan oleh Baumrind pada tahun 1996. Menerusi model yang diperkenalkan oleh Baumrind, terdapat tiga jenis gaya asuhan ibu bapa iaitu autoritarian, autoritatif dan permisif. Penggunaan Skala Model Baumrind, dapat mengenal pasti gaya asuhan yang mungkin diamalkan atau digunakan oleh ibu bapa. Kajian lepas mendapati gaya asuhan autoritarian dan autoritatif yang paling dominan digunakan oleh ibu bapa di Malaysia (Abdul Adib Asnawi, Agnis Sombuling & Lailawati Madlan, 2017; Evelyn Banu & Ruslin Amir 2020). Gaya asuhan yang diterima oleh anak-anak sewaktu

mereka kecil akan memberi kesan kepada perlakuan (tingkah laku) dan gaya berfikir (kognitif) kanak-kanak terutamanya pada peringkat sekolah rendah dan menengah dan seterusnya mempengaruhi personaliti mereka (Mariani Omar dan Sarah Hamzah, 2016).

Kecerdasan emosi anak-anak bergantung kepada gaya asuhan ibu bapa yang digunakan dalam keluarga tersebut. Menurut Ridzuan Abdullah (2013), keluarga memainkan peranan dalam menentukan perasaan anak sama ada mereka rasa disayangi, diperlukan dan berkebolehan ataupun sebaliknya. Anak-anak akan menilai sendiri menerusi tindakbalas fizikal dan emosi berpandukan teladan dan gaya asuhan yang mereka terima daripada ibu bapa. Menurut Loy Ai Hiang dan Faridah Mydin Kutty (2021), kecerdasan emosi manusia terbentuk daripada pelbagai aspek iaitu hubungan sosial dalam keluarga. Malah gaya asuhan ibu bapa juga amat penting dalam perkembangan kecerdasan emosi generasi muda kerana gaya asuhan yang betul dapat membendung anak-anak daripada terlibat dengan masalah sosial seperti mencuri, penyalahgunaan bahan dan sebagainya. Maka ibu bapa seharusnya mengetahui bahawa peranan mereka sangat penting terutama dalam membentuk emosi anak-anak ketika peringkat awal pembesaran anak-anak.

Remaja merujuk kepada pengakhiran atau peralihan ciri keanak-anakan kepada remaja apabila mereka sudah mencapai proses akil baligh (Kamarulzaman Kamaruddin, 2011). Pada ketika ini proses perubahan sedang berlaku terutama perubahan pada ciri fizikal seseorang. Perkembangan remaja awal bermula pada umur dalam lingkungan 12 tahun sehingga 15 tahun. Namun begitu peringkat pembesaran remaja perlu dilihat sebagai suatu proses dan bukannya satu jangka masa. Setiap remaja mempunyai proses perkembangan yang berbeza-beza walaupun mereka dalam lingkungan umur yang sama kerana perkembangan remaja turut dipengaruhi oleh beberapa faktor antaranya adalah jantina. Contohnya remaja perempuan dikatakan lebih cepat mencapai akil baligh berbanding remaja lelaki.

Hamidah Sulaiman (2013) melihat Gaya asuhan ibu bapa sebagai strategi dan tingkah laku yang digunakan oleh ibu bapa dalam usaha mengawal tingkah laku sosial anak-anak mereka. Ini termasuk cara ibu bapa dalam mendidik dan mendisiplinkan anak-anak mereka. Sekiranya gaya asuhan yang diamalkan oleh ibu bapa tidak bersesuaian dengan anak-anak, ini

akan mendorong mereka terjebak dengan masalah sosial. Ali Hafizar Mohamad Rawi, Norida Abdullah & Siti Nurul Suhada Shamshul Al Kamal (2017) dalam kajian mereka mendapati gaya asuhan ibu bapa merupakan salah satu faktor menyebabkan tingkah laku devian dalam kalangan anak-anak mereka. Ibu bapa yang mengamalkan gaya asuhan autoritarian, permisif atau pengabaian, cenderung mengakibatkan anak-anak mempunyai masalah sosial seperti memberontak, terlibat dengan pergaduhan dan sebagainya. Pelbagai cara dan gaya asuhan yang telah diaplikasikan oleh ibu bapa dalam membimbing dan membentuk anak-anak ke arah kebaikan yang dirasakan bersesuaian kepada anak-anak (Mariani Omar dan Sarah Hamzah, 2016). Pengkaji-pengkaji Barat turut mendapati hubungan di antara gaya asuhan dan pencapaian akademik (Huang & Gove, 2015); masalah tingkah laku (Braza *et. al*, 2015); dan kesejahteraan sendiri kanak-kanak (Newland *et. al*, 2014).

Goleman (1995) menyatakan bahawa kecerdasan emosi merangkumi kawalan diri, semangat dan ketekunan serta keupayaan untuk memotvasikan diri. Beliau menekankan kepentingan untuk mengajar kanak-kanak dengan kecergasan emosi dalam membantu meningkatkan potensi mereka. Kecerdasan emosi bermaksud seseorang yang memiliki dan mengekalkan emosi dalam keadaan positif kerana pada masa kini manusia berhadapan dengan pelbagai cabaran sehingga memerlukan mereka untuk menjadi lebih fleksibel dan efisien dalam menguruskan emosi mereka (Abdul Adib Asnawi *et al.*, 2017).

Kajian yang dijalankan oleh Loy Ai Hiang dan Faridah Mydin Kutty (2021), menunjukkan bagaimana gaya asuhan ibu bapa mempengaruhi perkembangan kecerdasan emosi murid Iban di sekolah menengah. Perkembangan kecerdasan emosi yang positif terhasil daripada gaya asuhan yang betul. Namun begitu, gaya asuhan ibu bapa turut dipengaruhi oleh amalan atau tradisi yang menjadi budaya bagi sesuatu kaum. Dapatan kajian mendapati bahawa persepsi bahawa kebanyakan responden perempuan lebih menerima gaya autoritatif berbanding responden lelaki. Sekiranya gaya asuhan ibu bapa yang diberikan kepada anak-anak adalah berbeza mengikut jantina, hal ini akan menyebabkan timbulnya rasa ketidakadilan dalam diri anak-anak. Keadaan ini akan memberi kesan negatif kepada perkembangan kecerdasan emosi kanak-kanak. Apabila perkembangan kecerdasan emosi kanak-kanak berada di tahap yang rendah, kanak-kanak akan mudah terlibat dengan masalah sosial.

Manakala kajian yang dijalankan Hamidah Sulaiman (2013) berkaitan dengan hubungan antara kecerdasan emosi dan gaya asuhan ibu bapa dalam kalangan remaja sekolah di sekitar negeri di Semenanjung Malaysia, mendapati terdapat perbezaan tahap kecerdasan emosi mengikut faktor demografi jantina dan lokasi sekolah. Terdapat empat objektif yang dinyatakan dalam kajian ini bagi mengukur faktor yang mempengaruhi tahap emosi dengan gaya asuhan ibu bapa terhadap remaja. Dapatan kajian menunjukkan bahawa remaja mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi bagi keempat-empat dimensi iaitu dimensi kesedaran sendiri, dimensi pengurusan emosi, dimensi kemahiran sosial dan dimensi empati. Hasil kajian turut menunjukkan gaya asuhan autoritatif paling tinggi berbanding gaya asuhan permisif dan autoritarian. Perbezaan lokasi kajian mungkin mempengaruhi hasil kajian yang mana kajian dijalankan di empat negeri yang mana kemajuan teknologi, orientasi keluarga dan ekonomi global boleh mempengaruhi nilai, tingkah laku dan pembelajaran responden.

Abdul Adib Asnawi *et al.* (2017) telah menjalankan kajian berkaitan penerimaan gaya asuhan ibu bapa dalam kalangan remaja dan kesan terhadap perkembangan kecerdasan emosi remaja. Kajian tersebut mengenal pasti perbezaan perkembangan kecerdasan emosi dalam kalangan remaja berdasarkan tempat tinggal dan jantina iaitu di kawasan Sabah sahaja yang melibatkan dua kawasan iaitu bandar dan luar bandar. Dapatan kajian menunjukkan terdapat pengaruh dalam gaya asuhan ibu bapa terhadap perkembangan kecerdasan emosi remaja. Gaya asuhan autoritarian dan autoritatif didapati memberi kesan positif terhadap perkembangan kecerdasan emosi remaja. Dapatan kajian turut mendapati bahawa remaja yang berada di kawasan bandar mempunyai kecerdasan emosi yang lebih tinggi berbanding remaja yang berada di kawasan luar bandar. Hal ini mungkin disebabkan kemajuan yang pesat di sesuatu kawasan, lebih banyak pendedahan dengan budaya yang berbeza serta kemudahan bagi mengakses laman sesawang dengan mudah. Selain itu, kajian turut melaporkan bahawa responden remaja perempuan mempunyai perkembangan kecerdasan emosi yang lebih baik berbanding responden remaja lelaki. Hal ini disebabkan oleh masyarakat sering menyatakan bahawa lelaki tidak patut menunjukkan emosi yang sama seperti perempuan kerana lelaki adalah golongan yang kuat dan gagah

yang tidak sepatutnya menunjukkan diri mereka lemah atau seumpamanya.

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti hubungan antara gaya asuhan ibu bapa dengan kecerdasan emosi dalam kalangan remaja awal. Objektif khusus kajian ini adalah untuk memerihai ciri demografi responden yang dikaji dan mengenal Pasti Hubungan Antara Gaya Asuhan Ibu Bapa Dengan Kecerdasan Emosi Remaja Awal.

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian, Subjek dan Lokasi Kajian

Kajian ini adalah menggunakan reka bentuk kuantitatif, di mana kaedah tinjauan menggunakan borang soal selidik digunakan oleh pengkaji. Responden kajian adalah seramai 108 orang remaja awal yang berumur dalam lingkungan 12 tahun hingga 15 tahun yang terdiri daripada 38 orang remaja lelaki dan 70 orang remaja perempuan. Pemilihan sampel kajian dilakukan dengan menggunakan kaedah persampelan rawak mudah. Kajian di jalankan di negeri Sabah.

Prosedur Kajian

Kajian ini telah dijalankan di beberapa kawasan sekolah rendah kebangsaan bagi responden berumur 12 tahun dan sekolah menengah kebangsaan bagi responden yang berumur 13 tahun hingga 15 tahun yang meliputi kawasan bandar dan luar bandar Sabah. Pengedaran borang soal selidik dijalankan secara atas talian memandangkan negara masih dilanda pandemik Covid-19 yang mengancam keselamatan dan nyawa. Satu set soal selidik telah diedarkan melalui rangkaian aplikasi *whatsapp* kerana lebih mudah ditadbir dan mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh pihak kerajaan dan norma baharu semasa era pandemic Covid-19.

Alat Kajian

Satu set borang soal selidik yang terbahagi kepada tiga bahagian telah digunakan bagi mengumpul maklumat yang diperlukan. Bahagian A adalah berkaitan dengan ciri demografi responden seperti jantina, umur dan kawasan sekolah. Manakala bahagian B pula berkaitan dengan gaya asuhan ibu bapa yang menggunakan *Parental Authority Questionnaire* (PAQ) dan bahagian C adalah berkaitan dengan kecerdasan emosi yang menggunakan *The Assessing Emotions Scale* (AES).

Analisis Data

Data yang telah dikumpul dianalisis menggunakan perisian IBM *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 27. Analisis deskriptif iaitu peratusan atau frekuensi telah digunakan untuk mendapatkan data demografi. Analisis Korelasi Pearson telah digunakan bagi mengenal pasti hubungan di antara pemboleh ubah yang dikaji.

KEPUTUSAN

Jadual 1 menunjukkan taburan responden mengikut jantina yang mana responden perempuan lebih ramai berbanding responden lelaki. Jumlah bagi responden perempuan adalah sebanyak 70 orang bersamaan 64.8 peratus manakala responden lelaki sebanyak 38 orang bersamaan 35.2 peratus.

Jadual 1: Taburan Responden Berdasarkan Demografi

	Kekerapan	Peratus
Jantina		
Lelaki	38	35.2
Perempuan	70	64.8
Lokasi		
Bandar	49	45.4
Luar Bandar	59	54.6
Usia		
12 Tahun	16	14.8
13 Tahun	24	22.2
14 Tahun	33	30.6
15 Tahun	35	32.4
Jumlah	108	100.0

Selain itu, taburan responden mengikut lokasi kawasan responden yang mana responden yang berada di kawasan luar bandar lebih ramai berbanding responden yang berada di kawasan bandar. Jumlah bagi taburan kawasan luar banyak adalah 59 orang bersamaan 54.6 peratus manakala bagi kawasan bandar adalah 49 orang bersamaan 45.4 peratus.

Akhir sekali ialah taburan responden mengikut umur yang mana responden berumur 15 tahun lebih tinggi iaitu 35 orang bersamaan 32.4 peratus, diikuti responden yang berumur 14 tahun iaitu 33 orang

bersamaan 30.6 peratus. Responden yang berumur 13 tahun hanya 24 orang bersamaan 22.2 peratus dan responden berumur 12 tahun seramai 16 orang bersamaan 14.8 peratus.

Jadual 2: Korelasi Gaya Asuhan Autoritarian dan Kecerdasan Emosi

Pearson Correlation (r)	.462**
Sig. (2-tailed)	.00
N	108

Aras signifikan .05

Berdasarkan jadual 2 menunjukkan terdapat perhubungan pemboleh ubah terikat kecerdasan emosi remaja awal dan pemboleh ubah bebas gaya asuhan ibu bapa (autoritarian) dan perhubungannya lemah iaitu di antara $r = .462$, $p < .05$. Ini menunjukkan bahawa pemboleh ubah gaya asuhan ibu bapa (autoritarian) dan kecerdasan emosi remaja awal mempunyai korelasi positif $.462$ dan nilai varian bagi pemboleh ubah ialah 21.3%. Maka hipotesis yang mengatakan terdapat hubungan gaya asuhan ibu bapa (autoritarian) dengan kecerdasan emosi remaja awal diterima.

Jadual 3: Korelasi Gaya Asuhan Autoritatif dan Kecerdasan Emosi

Pearson Correlation (r)	.456**
Sig. (2-tailed)	.000
N	108

Aras signifikan .05

Berdasarkan jadual 3 menunjukkan terdapat perhubungan pemboleh ubah terikat kecerdasan emosi remaja awal dan pemboleh ubah bebas gaya asuhan ibu bapa (autoritatif) dan perhubungannya lemah iaitu di antara $r = .456$, $p < .05$. Ini membuktikan bahawa pemboleh ubah gaya asuhan ibu bapa (autoritatif) dan kecerdasan emosi mempunyai korelasi positif $.456$ dan nilai varian bagi pemboleh ubah ialah 20.8%. Maka hipotesis yang mengatakan terdapat hubungan gaya asuhan ibu bapa (autoritatif) dengan kecerdasan emosi remaja awal diterima.

Jadual 4: Korelasi Gaya Asuhan Permisif dan Kecerdasan Emosi

Pearson Correlation (r)	.354**
Sig. (2-tailed)	.000
N	108

Aras signifikan .05

Berdasarkan jadual 4 menunjukkan terdapat perhubungan pemboleh ubah terikat kecerdasan emosi remaja awal dan pemboleh ubah bebas gaya asuhan ibu bapa (permisif) dan perhubungannya lemah iaitu di antara $r = .354$, $p < .05$. Ini membuktikan bahawa pemboleh ubah gaya asuhan ibu bapa (permisif) dan kecerdasan emosi mempunyai korelasi positif $.354$ dan nilai varian bagi pemboleh ubah ialah 12.5% . Maka hipotesis yang mengatakan terdapat hubungan gaya asuhan ibu bapa (permisif) dengan kecerdasan emosi remaja awal diterima. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara gaya asuhan ibu bapa dengan kecerdasan emosi remaja awal. Berdasarkan Ujian Korelasi Pearson, hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang positif namun lemah bagi pemboleh ubah gaya asuhan ibu bapa dengan kecerdasan emosi.

PERBINCANGAN

Menurut Khairun Nisa Md Isa dan Kamariah Abu Bakar (2021), ibu bapa merupakan insan yang bertanggungjawab dalam memastikan tumberasan emosi pada peringkat awal kanak-kanak. Malah kecerdasan emosi manusia terbentuk hasil daripada hubungan sosial dalam keluarga (Loy Ai Hiang dan Faridah Mydin Kutty, 2021). Keadaan ini bergantung kepada gaya asuhan yang diamalkan oleh ibu bapa dalam mendidik, mengasuh dan membesarkan anak-anak mereka. Baumrind (1991) menyatakan bahawa terdapat tiga jenis gaya asuhan ibu bapa iaitu autoritarian, autoritatif dan permisif. Namun begitu terdapat dua dimensi yang membezakan bagi ketiga-tiga jenis gaya asuhan iaitu kebertanggungjawaban ibu bapa dan permintaan ibu bapa (Hamidah Sulaiman, 2013; Anshori, 2018).

Menerusi dimensi yang dinyatakan, gaya asuhan ibu bapa jenis autoritatif adalah tinggi kebertanggungjawaban dan tinggi permintaan. Walaupun kedua-dua dimensi itu adalah tinggi, namun ibu bapa autoritatif masih mengamalkan keseimbangan dalam mengasuh anak-anak. Ibu bapa tetap menerapkan sikap bertolak ansur, kesediaan untuk mendengar dan melibatkan diri sepanjang proses pertumbuhan anak-anak. Namun berbeza pula bagi gaya asuhan ibu bapa autoritarian yang mana bagi dimensi kebertanggungjawaban adalah rendah namun tinggi permintaan. Kebiasaannya ibu bapa autoritarian sering meletakkan harapan dan jangkaan yang tinggi terhadap anak-anak terutama dalam aspek akademik.

Selain itu, ibu bapa autoritarian juga mempunyai peraturan, hukuman dan kawalan yang ketat sehingga anak-anak tidak boleh mempertikaikan. Manakala bagi gaya asuhan ibu bapa permisif, kebertanggungjawaban tinggi tetapi permintaan rendah. Ibu bapa permisif adalah ibu bapa yang bersikap lembut terhadap anak-anak malah setiap kehendak anak-anak akan dipenuhi dan dituruti. Ibu bapa permisif juga beranggapan bahawa anak-anak adalah insan yang matang dan mampu untuk membuat keputusan sendiri.

Berdasarkan hasil dapatan kajian, gaya asuhan ibu bapa mempunyai hubungan dengan kecerdasan emosi remaja awal. Hasil dapatan kajian selari dengan sorotan kajian lepas dimana gaya asuhan yang diamalkan di Malaysia adalah autoritatif dan autoritarian dan dua jenis gaya asuhan tersebut menyumbang kepada kecerdasan emosi remaja (Loy Ai Hiang dan Faridah Mydin Kutty, 2021; Hamidah Sulaiman, 2013; Abdul Adib Asnawi et al., 2017). Melalui hasil dapatan ini juga telah menunjukkan bahawa gaya asuhan yang diamalkan di Sabah adalah gaya asuhan autoritarian dan autoritatif. Ia sama dengan kajian lepas yang turut menjalankan kajian berkaitan dengan gaya asuhan ibu bapa dalam Malaysia meliputi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak (Loy Ai Hiang dan Faridah Mydin Kutty, 2021; Hamidah, 2013; Abdul Adib Asnawi et al., 2017; Evelyn Anak Banu dan Ruslin Amir, 2020).

Kecerdasan emosi terbahagi kepada empat iaitu pengurusan emosi, kesedaran sendiri, kemahiran sosial dan empati. Menerusi hasil dapatan kajian telah menunjukkan bahawa pengurusan emosi dan kesedaran sendiri menunjukkan nilai min yang tinggi. Hal ini demikian kerana pengaruh daripada gaya asuhan ibu bapa di Sabah iaitu autoritatif dan autoritarian yang telah menyebabkan dua dimensi kecerdasan emosi ini tinggi. Walaupun begitu, nilai min pada kemahiran sosial adalah rendah disebabkan oleh nilai min bagi gaya asuhan autoritarian tinggi dan diikuti oleh gaya asuhan autoritatif. Berdasarkan sorotan kajian, penglibatan ibu bapa sangat penting dalam tumbesaran anak-anak kerana ia mempengaruhi perkembangan anak-anak (Khairun Nisa Md Isa dan Kamariah Abu Bakar, 2021; Shahida Hassim et al., 2012). Malah kurangnya penglibatan ibu bapa akan menyebabkan dimensi kecerdasan emosi yang lain menjadi sederhana atau lemah (Shahida Hassim et al., 2012; Hiang, & Kutty, 2021). Malah sekiranya kecerdasan emosi kanak-kanak tidak dapat berkembang dengan baik akan menjejaskan masa depan

kanak-kanak (Khairun Nisa Md Isa dan Kamariah Abu Bakar, 2021; Anshori, 2018).

Kesimpulannya hasil perbincangan menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara gaya asuhan ibu bapa dengan kecerdasan emosi remaja awal namun lemah dan disokong oleh sorotan kajian lepas bagi mengukuhkan lagi kajian ini. Perbincangan ini bagi mengukuhkan objektif dan persoalan kajian yang terdapat dibahagian bab satu. Keseluruhannya berdasarkan hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa gaya asuhan autoritarian yang dipraktikan di Sabah dan lebih dominan. Walaupun begitu nilai min bagi gaya asuhan permisif juga dikategorikan tinggi dan tetap digunakan oleh masyarakat setempat. Manakala bagi kecerdasan emosi remaja awal dalam keadaan baik walaupun nilai min bagi kemahiran sosial yang paling rendah. Faktor yang menyebabkan nilai min kemahiran sosial rendah tidak dapat dikenalpasti disebabkan tidak dinyatakan dalam objektif kajian.

KESIMPULAN

Hasil dapatan menunjukkan bahawa kebanyakan ibu bapa kurang melibatkan diri sepanjang proses pembesaran anak-anak menyebabkan kecerdasan emosi anak-anak berada di tahap yang rendah sehingga menyebabkan mereka berasa tersisih dengan orang sekeliling. Dapatan kajian ini juga menunjukkan terdapat satu dimensi yang mempunyai nilai min yang rendah iaitu kemahiran sosial menyebabkan anak-anak sukar untuk membina hubungan dengan kenalan baru. Seharusnya ibu bapa lebih cakna dengan perkembangan anak-anak supaya domain perkembangan kanak-kanak iaitu fizikal, kognitif, bahasa, sosial dan emosi dapat berkembang dengan baik.

Kajian ini dijalankan secara atas talian iaitu responden dikehendaki menjawab soal selidik secara atas talian sahaja ekoran daripada pandemik Covid-19 yang melanda negara. Banyak lokailiti masih berada dalam fasa Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) terutama di negeri Sabah. Memandangkan kajian ini dijalankan kepada responden yang berumur dalam lingkungan 12 tahun hingga 15 tahun maka tidak semua responden mempunyai telefon bimbit bagi menjawab soal selidik terutama sekali yang berumur 12 tahun.

Kajian akan datang disarankan agar menambah ciri demografi seperti bangsa untuk mengenalpasti gaya asuhan yang dipraktikkan oleh rakyat Malaysia dipengaruhi oleh tradisi yang diamalkan oleh sesuatu bangsa atau sebaliknya. Penambahan bilangan sampel juga disarankan lebih luas agar hasil yang diperoleh lebih baik. Hal ini demikian kerana setiap negeri di Malaysia mempunyai bangsa atau etnik yang berbeza. Maka dengan menjalankan kajian ini di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak akan menghasilkan dapatan kajian yang lebih tepat dan menyeluruh.

Kesimpulannya, hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat hubungan positif namun lemah bagi gaya asuhan ibu bapa dengan kecerdasan emosi remaja awal di sekitar Sabah. Hal ini demikian kerana gaya asuhan yang dipraktikkan oleh ibu bapa responden lebih kepada autoritarian dan autoritatif. Ini meunjukkan bahawa gaya asuhan autoritatif dan autoritarian berkaitan dengan kecerdasan emosi remaja awal. Malah bagi ketiga-tiga jenis gaya asuhan mempunyai hubungan yang signifikan terhadap kecerdasan emosi remaja awal. Gaya asuhan ibu bapa juga turut dipengaruhi oleh tradisi yang diamalkan oleh masyarakat yang berada di Sabah.

RUJUKAN

- Anshori, D. (2018). Pengaruh gaya keibubapaan autoritatif dan permisif serta kecerdasan emosi terhadap resiliensi. (Doctoral dissertation, Universiti Utara Malaysia).
- Abdul Adib Asnawi, Agnis Sombuling & Lailawati Madlan @ Endalan. (2017). Penerimaan Gaya Keibubapaan Dalam Kalangan Remaja dan Kesannya Terhadap Perkembangan Kecerdasan Emosi. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 31(2), 78 - 89,
- Ahmad Farid. (2019). Masalah Sosial Dalam Kalangan Remaja: Apa Penyelesaiannya? Hello Doktor. Diakses pada 1 Mei 2021 daripada <https://hellodoktor.com/keibubapaan/remaja/perkembangan-remaja/masalah-sosial-remaja/>
- Ali Hafizar Mohamad Rawi, Norida Abdullah & Siti Nurul Suhada Shamshul Al Kamal. (2017). Hubungan Antara Jenis Komunikasi dan Gaya Asuhan Ibu Bapa Terhadap Tingkah Laku Devian Remaja: Kajian Literatur. *Journal of Human Capital Development*, 10(1), 55-68. ISSN-1985-7012.
- Braza, P., Carreras, R., Muñoz, J., Braza, F., Azurmendi, A., Pascual-Sagastizábal, E., & Sánchez-Martín, J. (2015). Negative Maternal and Paternal Parenting Styles as Predictors of Children's Behavioral

-
- Problems: Moderating Effects of the Child's Sex. *Journal of Child & Family Studies*, 24(4), 847-856. <https://doi.org/10.1007/s10826-013-9893-0>
- Baumrind, D. (1966). Effect of authoritative parental control on child behavior. *Child Development*, 37(4), 887-907.
- Baumrind, D. (1967). Child care practices anteceding three patterns of pre-school behavior. *Genetic Psychology Monographs*, 75(1), 43-88.
- Creswell, J. W. (2005). *Education research: Planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research* (2nd ed.). Englewood Cliffs, NJ: Pearson Education.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. *Maksud remaja*. Diakses pada 27 Julai 2021 daripada <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=remaja>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. *Maksud ibu bapa*. Diakses pada 27 Julai 2021 daripada <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=ibu+bapa>
- Diana Wulandari, Lee Jun Choi, Sawan @ Mohammad Sawal Narawi. (2018). Pengaruh Gaya Asuhan Ibu Bapa Terhadap Gejala Ponteng Sekolah. *Journal of Education and Social Science*, 9(2), 11-22. ISSN-2289-9855
- Evelyn Anak Banu & Ruslin Amir. (2020, April). Gaya Asuhan Paling Dominan Di Kalangan Murid Bidayah Padawan Berpencapaian Akademik Rendah. *Journal Dunia Pendidikan*, 2(1), 137-147.
- Goleman, D. (1995). *Emotional intelligence: Why it can matter more than IQ*. New York: Bantam Books.
- Hamidah binti Sulaiman. (2013). *Hubungan Antara Kecerdasan Emosi Dengan Gaya Asuhan Ibu Bapa Dalam Kalangan Remaja Sekolah*. UM: Tesis Ijazah Doktor Falsafah (Tidak diterbitkan).
- Hiang, L. A., & Kutty, F. M. (2021). Pengaruh Gaya Keibubapaan Terhadap Perkembangan Kecerdasan Emosi Murid Iban Di Sekolah Menengah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 183-192.
- Huang, G. C., & Gove, M. (2015). Asian parenting styles and academic achievement: views from eastern and western perspectives. *Education*, 135(3), 389-397.
- I-Hua Chen, Zeng-Han Lee, Xiao-Yu Dong, Jeffrey Hugh Gamble & Hung-Wei Feng. (2020). The Influence of Parenting Style and Time Management Tendency On Internet Gaming Disorder Among Adolescents. *International Journal of Environmental Research and Public Health*. 17, 1-16, 9120
- Kamarulzaman Kamaruddin. (2011). *Psikologi perkembangan panduan untuk guru*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Khairun Nisa Md Isa & Kamariah Abu Bakar. (2021). Hubungan Antara Emosi Ibu Bapa Dengan Kanak-kanak dan Kepentingannya Terhadap Perkembangan Awal Kanak-kanak. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(7), 258-266; <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i7.857>.
- Kordi, A. & Baharuddin, R. (2010). Parenting attitude and style and its effect on children school achievements. *International Journal of Psychological studies*, 2(2), 217-222. <https://doi.org/10.5539/ijps.v2n2p217>
- Loy Ai Hiang & Faridah Mydin Kutty. (2021, June). Pengaruh Gaya Keibubapaan Terhadap Perkembangan Kecerdasan Emosi Murid Iban di Sekolah Menengah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 183-192. e-ISSN: 2682-826X.
- Mariani Omar & Siti Sarah Hamzah. (2016). Gaya Asuhan Ibu Bapa Terhadap Anak- anak Dalam Kalangan Kakitangan Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah. *Al Qimah Al Mudhafah The Journal of Management and Science*, 1(2), 1-12.
- Mastura Badzis. (2016). *Emosi anak*. Berita Harian Online. Diakses pada 27 Julai 2021 daripada <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/12/219161/emosi-anak>.
- Mayer, J. D., & Salovey, P. (1993). The intelligence of emotional intelligence. *Intelligence*, 17(4), 433-442.
- Mohamad Albaree Abdul, Hazhari Ismail, Iylia Mohamad & Zaharah Osman. (2019). Perkembangan Emosi Kanak-kanak Menggunakan Kaedah Pengajaran Berasaskan Aktiviti Muzik. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 8, 17-23.
- Mohamad Rizuan bin Abdullah. (2013, Jun). *Hubungan Antara Gaya Asuhan Ibu Bapa Dengan Tahap Pencapaian Akademik Pelajar Sekolah Menengah*. UTM: Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan (Tidak diterbitkan).
- Mugarura, C. (2020). *A universal definition of what it means to be a "child"*. *Unicef*. Diakses pada 25 Julai 2021 daripada <https://www.unicef.org/sudan/stories/universal-definition-what-it-means-be-child>.
- Newland, L., Giger, J.T., Lawler, M. J., Carr, E., R., Dykstra, E., A., & Roh, S. (2014). Subjective well-being for children in a rural community. *Journal of Social Service research*, 0, 1-20.
- Nixon, E. & Halpeny, A., M. (2010). *Children's perspectives on parenting styles and discipline: a developmental approach*. Office of the

- Minister for Children and Youth affairs, Minister for Health and Children: Dublin, Ireland.
- Noor Izzaty Ibrahim, Muhamad Ariff Ibrahim & Siti Fardaniah Abdul Aziz. (2017). Hubungan Antara Gaya Asuhan Ibu Bapa Dengan Pemilihan Kerjaya Dalam Kalangan Pelajar Universiti. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 3, 1-11
- Osman Lisut. (2018). *Anak suka melawan, enggan patuhi arahan tidak normal*. Berita Harian Online. Diakses pada 27 Julai 2021 daripada <https://www.bharian.com.my/hujung-minggu/lain-lain/2018/09/468595/anak-suka-melawan-enggan-patuhi-arahan-tidak-normal>.
- Schutte, N. S., Malouff, J. M., Hall, Lena E., Haggerty, D., Cooper, J. T., Golden, C., & Dornheim, Liane. (1998). Development and validation of a measure of emotional intelligence. *Personality and Individual Differences*, 25, 167-177.
- Shahida Hassim, Chua Chu Tee, Rosadah Abdul Majid, Zalizan Mohd Jelas & Hamizatun Akmal Md Yusof. (2012). Perkembangan Kecerdasan Emosi Kanak-kanak Prasekolah Bermasalah Pendengaran: Implikasinya Terhadap Penglibatan Ibu Bapa. *Akademik*, 82(2), 137-142.
- Sulung, N., & Sakti, G. (2021). Komunikasi Keluarga Dan Pola Asuh Dengan Kecerdasan Emosional Anak Usia 5–18 Tahun. *Jurnal Kesehatan Perintis (Perintis's Health Journal)*, 8(1), 1-11.